

19 MAY 2001

MAS-STRATEGI

MAS AKAN UMUMKAN STRATEGINYA DALAM TEMPOH DUA MINGGU

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Penerbangan Malaysia akan mengumumkan strategi-strateginya dalam tempoh dua minggu ini, termasuklah langkah untuk menempatkan semula syarikat penerbangan itu di tapak yang kukuh.

Pengerusi bukan eksekutif Tan Sri Azizan Zainul Abidin berkata pihak pengurusan telah mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat berkenaan.

"Kami akan mendedahkan strategi-strategi kami dan apa yang telah kami lakukan. Kami telah mengenal pasti masalah-masalah, di samping opsyen dan rumusan-rumusan kami.

"Kami akan mengumumkannya sebaik sahaja ia siap," kata Azizan yang juga merupakan pengerusi Petronas kepada para pemberita selepas melancarkan Dewan Filharmonik Petronas 01/02 Season di sini hari ini.

Azizan telah dilantik sebagai pengerusi bukan eksekutif Penerbangan Malaysia pada 14 Februari tahun ini, menggantikan Tan Sri Tajudin Ramli yang telah meletakkan jawatan berikutan selesainya penjualan 29.09 peratus kepentingan sahamnya dalam syarikat berkenaan.

Datuk Md Nor Md Yusof, bekas penasihat kepada Kementerian Kewangan, dilantik sebagai pengarah urusan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan April lepas telah mengumumkan yang Penerbangan Malaysia akan mencari rakan strategik asing untuk mengukuhkan prestasinya, tanpa memberikan sebarang tarikh akhir.

Terdahulu, dalam bulan Februari, Dr Mahathir membayangkan seorang orang asing yang "lebih berpengetahuan dari segi teknikal untuk mengelolakan perjalanan syarikat itu" kemungkinan dilantik sebagai ketua pegawai operasi Penerbangan Malaysia.

MAS mencatatkan kerugian belum diaudit bernilai RM451.6 juta untuk suku ketiga tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2000. Ia mencatatkan kerugian RM225.9 juta dalam tempoh suku yang sama tahun terdahulu. -- BERNAMA

HBM MFJ AA